

MAJLIS DIALOG MARKAS TENTERA UDARA- BAHAGIAN SUMBER MANUSIA BERSAMA ANGGOTA PU BUTTERWORTH

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2341-majlis-dialog-markas-tentera-udara-bahagian-sumber-manusia-bersama-anggota-pu-butterworth

BUTTERWORTH, 23 Ogos 17 - Dialog Markas Tentera Udara bahagian Sumber Dan Manusia bersama Anggota Lain-lain Pangkat Pangkalan Udara Butterworth telah berlangsung di Dewan Setia. Pengarah Pengurusan Sumber Manusia, Kol Ahmad bin Abdul Rahman TUDM telah mengetuai rombongan daripada BSM bagi tujuan dialog tersebut.

Turut hadir ke sesi dialog tersebut ialah Ketua Cawang Tadbir Pangkalan Udara Butterworth, Lt Kol Hairuddin bin Yusof TUDM. Majlis tersebut bertujuan untuk menjelaskan tentang kehendak-kehendak perkhidmatan yang berkaitan tentang BMI, prosedur menyambung perkhidmatan dan perkara-perkara yang masih belum diketahui oleh peringkat anggota.

